



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 01/02

PENGORBANAN 413 VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TERBELA MENERUSI
PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA

1. **KUALA LUMPUR, 4 Februari 2026** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin hari ini telah menyempurnakan **Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 413 orang Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**, termasuk balu serta wakil waris, dalam satu majlis penuh penghargaan yang berlangsung di Dewan Perdana FELDA, di sini.
2. Penganugerahan ini bukan sekadar simbol penghargaan tetapi ia juga merupakan **pengiktirafan negara terhadap peranan besar warga veteran ATM dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan tanah air**. Ia juga bertujuan mengenang jasa perwira negara serta menghayati sejarah perjuangan mereka yang harus dijadikan iktibar yang sewajarnya demi memastikan masa depan negara yang selamat dan sejahtera.
3. Bagi tahun 2026, **Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM303.3 juta kepada JHEV ATM, iaitu peningkatan 3.16 peratus** berbanding RM294 juta pada tahun 2025. Daripada jumlah tersebut, **hampir 90 peratus atau RM274.4 juta disalurkan khusus untuk agenda kesejahteraan veteran**.
4. Selaras dengan pengumuman Belanjawan 2026, Kerajaan MADANI telah bersetuju untuk **menyalurkan Penghargaan Khas Pingat Jasa Malaysia berjumlah RM500 secara sekali beri kepada semua pemegang PJM di seluruh negara**. Selain itu, **Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM250 secara sekali beri kepada semua veteran ATM** juga akan disalurkan oleh JHEV ATM seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2026 menjadikan **jumlah keseluruhan penerimaan bagi pemegang PJM sebanyak RM750**.
5. Inisiatif ini selaras dengan agenda MINDEF iaitu untuk memperkasa kesejahteraan dan kebajikan warga veteran ATM bagi memastikan kepentingan veteran dan keluarga terus terpelihara tanpa ada sesiapa yang tercicir atau terpinggir. MINDEF sentiasa prihatin dengan nasib dan hal ehwal yang berkaitan dengan Veteran ATM. Malah, aspek kesejahteraan Veteran ATM telah menjadi salah satu teras utama dalam **Agenda Kesejahteraan Veteran** menerusi **Pelan Strategik Pertahanan Negara (PSPN) 2026 – 2030**.
6. Turut hadir ialah Panglima Tentera Udara, Jeneral Dato' Sri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM, Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Dato' Seri Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri, Ketua Staf AM Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD), Mejar Jeneral Dato' Norsham bin Md Tap, Ketua Pengarah JHEV ATM, Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Ahli Lantikan MVK, Leftenan Jeneral Dato' Sri Abdul Aziz bin Ibrahim (Bersara) dan Mejar Jeneral Dato' Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM (B), pegawai tertinggi awam dan tentera serta wakil-wakil Persatuan Veteran ATM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”